

PYFC menang tipis menerusi sepakan penalti

BATU PAHAT - Pasukan bola sepak Parit Ya'ani FC (PYFC) mengekalkan kemenangan mereka dalam pertandingan merebut piala Liga Sri Gading 2017/2018, dengan kemenangan tipis 1-0.

Pasukan itu menewaskan Sri Timbul FC (STFC) di Padang Kolej Vokasional Batu Pahat (KVBP), menerusi sepakan penalti.

Sepakan kemenangan itu disempurnakan oleh Muhammad Khairul Izzuddin Jejaka, pada minit ke-57, menjarakkan jaringan gol di samping PYFC berjaya membawa tiga mata penuh.

Presiden Kelab Bola Sepak Gading Rajawali, Md Abas Abd Aziz berkata, pertandingan yang pertama kali dianjurkan ini disertai 12 pasukan membabitkan enam zon dalam Sri Gading iaitu Tongkang

Pechah, Parit Yaani, Bandar, Sri Gading, Parit Raja dan Parit Botak.

Menurutnya, ia bermula November lalu dijangka tamat pada Januari tahun hadapan dan akan dapat memperlihatkan pasukan bola sepak paling hebat di kawasan Sri Gading ini.

"Kita guna format 11 sebelah dan menggunakan kiraan masa 45 minit untuk separuh masa dengan mengaplikasikan format digunakan oleh Persatuan Bola Sepak Negeri Johor (PBNJ).

"Perlawanannya ini diadakan di Padang Kolej Vokasional Batu Pahat (KVBP) dan Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Hussein Onn, selain perlawanannya akhir di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)," katanya.



Aksi merebut bola dalam perlawanannya antara PYFC menentang STFC di Padang Kolej Vokasional Batu Pahat.